

## **BAHAGIAN VIII**

### **PERTIKAIAN**

#### **33. Rujukan pertikaian**

- (1) Rujukan sesuatu pertikaian kepada Ketua Pendaftar di bawah subseksyen 82(1) Akta boleh dibuat oleh Lembaga, atau oleh koperasi melalui suatu ketetapan dalam mesyuarat agung, atau oleh mana-mana pihak kepada pertikaian itu dalam borang yang ditetapkan dalam Jadual III. Jika pertikaian adalah berkenaan dengan sejumlah wang yang kena dibayar oleh anggota Lembaga kepada koperasi, rujukan boleh dibuat oleh mana-mana anggota koperasi itu.
- (2) Jika, menurut perenggan 82(3) (b) Akta, Ketua Pendaftar memutuskan untuk merujuk pertikaian itu kepada suatu timbang tara, dia boleh merujuknya kepada-
  - (a) penimbang tara tunggal yang dilantik olehnya; atau
  - (b) tiga orang penimbang tara di mana setiap pihak kepada pertikaian itu hendaklah menamakan seorang penimbang tara dan Ketua Pendaftar hendaklah menamakan orang yang ketiga yang juga menjadi pengurus. Jika mana-mana pihak kepada pertikaian itu gagal menamakan seorang penimbang tara dalam masa lima belas hari dari tarikh pemberitahuan untuk berbuat demikian, Ketua Pendaftar sendiri boleh membuat penamaan tersebut.
- (3) Segala pertikaian selain daripada yang dinyatakan dalam subseksyen 82 (1) Akta hendaklah dirujuk kepada mesyuarat agung koperasi berdaftar itu untuk penyelesaian. Apa-apa soalan tentang sama ada pertikaian tersebut termasuk dalam maksud subseksyen 82(1) Akta hendaklah diputuskan oleh Ketua Pendaftar dan keputusannya adalah muktamad.